

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 1 Disember 2020 9:17 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Prof. Dr. Shahimi Mohtar Dilantik TNC (A&A) Ke-12



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 DISEMBER 2020 / 15 RABIULAKHIR 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PROF. DR. SHAHIMI MOHTAR DILANTIK TNC (A&A) KE-12



UUM ONLINE: Provos Universiti Utara Malaysia Kampus Kuala Lumpur (UUMKL), Prof. Dr. Shahimi Mohtar telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Utara Malaysia (UUM) baharu berkuat kuasa hari ini.

Beliau telah menerima watak pelantikan dari Kementerian Pengajian Tinggi dan serah tugas daripada Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim dengan disaksikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Bilik Senat, pagi tadi.

Naib Canselor dalam ucapannya berkata, menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) atau ringkasnya TNC (A&A) bukanlah sesuatu yang mudah kerana perlu memberi nilai tambah atau 'value added' kepada universiti.

Menurutnya, penting untuk seorang Timbalan Naib Canselor memiliki kepakaran, bertanggungjawab dan sanggup berkorban bagi memacu kecemerlangan universiti, khususnya UUM.

Katanya, beliau berharap Timbalan Naib Canselor (A&A) baharu iaitu Prof. Dr. Shahimi dapat menggalas tanggungjawab dengan baik dan dapat menyumbang idea-idea baru untuk kemajuan universiti terutamanya dalam menggerakkan kepimpinan universiti ke arah mencapai matlamat strategik universiti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran serta pengantarabangsaan.

"Tidak lama lagi UUM akan memasuki Pelan Strategik Fasa 3 yang lebih mencabar, ditambah dengan pengenalan teras baharu, justeru saya berharap akan mendapat kerjasama baik untuk memacu universiti ini.

"Saya mahu kita bergerak sebagai unit besar dengan kerjasama yang sangat erat tanpa menyimpan perasaan iri hati atau tidak berpuas hati. Kita sama-sama menyumbang tenaga untuk menjadikan UUM sebagai universiti tersohor," katanya pada Majlis Serah Tugas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Bilik Senat, pagi tadi.

Pada majlis tersebut, beliau menyaksikan penyerahan serah tugas daripada Prof. Dr. Yusnidah kepada Prof. Dr. Shahimi.

Di samping itu, Naib Canselor turut berterima kasih kepada Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim kerana tidak jemu membantu melaksanakan agenda dan memastikan segala urusan akademik UUM berjalan dengan lancar, khususnya di era yang penuh mencabar iaitu semasa wabak Covid-19 melanda negara sehingga memaksa universiti menukar strategi melaksanakan proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara atas talian atau remote learning.

Katanya, beliau berterusan menabur bakti bagi memastikan tahap akademik universiti ini sentiasa berada di peringkat yang tertinggi.

Sementara itu, Prof. Dr. Shahimi berkata, beliau berterima kasih kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang melantiknya dan disokong Ketua Setiausaha KPT serta Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Naib Canselor.

Menurutnya, beliau dengan rendah diri menerima jawatan itu yang datang dengan tanggungjawab besar dan bukan mudah untuk digalas, namun beliau percaya dengan sokongan dan dukungan semua akan dapat bantu untuk kemudi satu bahagian yang penting di UUM ini.

Katanya, UUM sudah berjaya mencapai kecemerlangan dengan usaha tanpa henti sehingga berada di tempat cemerlang bukan sahaja dalam negara, malah dunia.

"Saya berterima kasih kepada Prof. Dr Yusnidah Ibrahim yang telah meletakkan UUM di tempat yang tinggi dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian. Banyak agenda akademik juga telah beliau laksanakan dengan jayanya.

"Selain itu, saya juga berharap akan diberikan masa dan mandat untuk merancang program serta agenda ke arah kecemerlangan universiti, jadi saya mohon untuk terus menerima sokongan seperti mana yang diperoleh Prof. Dr. Yusnidah sebelum ini," katanya yang pernah memegang jawatan sebagai Provos UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL) dari 2018 hingga 2020.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ke-11, Prof. Dr. Yusnidah berkata, beliau juga berterima kasih kerana diberi peluang untuk berbakti sebagai TNC (AA) dan ketika menerima jawatan tersebut, beliau telah berazam untuk membantu dekan-dekan, pengarah-pengarah di bawah TNC (A&A) untuk memartabatkan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

Menurutnya, beliau berharap UUM akan terus melakar rekod baharu dengan menjadi rujukan dan pilihan pelajar untuk melanjutkan pengajian di UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.